

## MEMORANDUM

Rujuk : TONE/20200715/01/BM  
 Tarikh : 15 Julai 2020  
 Kepada : Ahli Ahli TONE WOW EXCEL and TONE WOW PLUS

Perkara : **BAYARAN UNTUK PEMBETULAN BUTIRAN KAD PENGENALAN / ID**

Ahli Ahli TONE WOW EXCEL and TONE WOW PLUS

Semasa pendaftaran keahlian TONE, anda harus memastikan bahawa maklumat peribadi adalah betul dan tepat didalam proses imbasan wajib, Optical Character Recognition (OCR). Ini adalah untuk memastikan maklumat dan keahlian anda sah, terutama untuk pembayaran insentif.

Walau bagaimanapun, ketepatan proses OCR bergantung pada kualiti dokumen yang diimbas dan pengesahan manusia diperlukan untuk memastikan maklumat adalah betul dan tepat sebelum dihantar untuk pendaftaran keahlian TONE. Sebarang data pendaftaran yang tidak tepat boleh melibatkan hukuman dan tindakan oleh pihak berkuasa.

Sebarang pembetulan maklumat keahlian, seperti Nama atau Nombor Kad Pengenalan dan dokumen ID, selepas pendaftaran berjaya melibatkan pelbagai pihak dan sistem, yang memerlukan banyak sumber tenaga dan masa.

Oleh demikian, dengan serta merta, kami akan mengenakan yuran pentadbiran sebanyak **RM 20.00** untuk setiap permintaan untuk pembetulan maklumat keahlian selepas pendaftaran keahlian.

Kami akan terus meningkatkan sistem dan aplikasi kami dan memperbaiki proses pendaftaran untuk memudahkan penajaan ahli.

***#PendapatanPasifYangSebenar***

Yang Benar

.....  
 Chia Han Hui,  
 Head of Network and Channel